

MAHATHIR

1969

KUALA LUMPUR, 13 JULAI (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR BIN MOHAMED, YANG TIDAK LAGI MENJADI AHLI JAWATAN KUASA TERTINGGI UMNO MALAYSIA MULAI KELMARIN, MENYATAKAN HARI INI BAHAWA BELIAU AKAN KEKAL DI-DALAM PARTI TERSEBUT.

+SAYA MASEH LAGI BERSETUJU DENGAN DASAR2 PARTI UMNO,+ DEMIKIAN BELIAU MEMBERITAHU BERNAMA MENERUSI TELEPON DARI KELINIK-NYA DI-ALOR STAR.

KEPUTUSAN UNTUK MELUCHUTKAN BELIAU DARI AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI UMNO TELAH DI-BUAT KELMARIN DALAM SATU SIDANG MAJLIS TERTINGGI ITU DI-TEMPAT KEDIAMAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, TUN ABDUL RAZAK DI-SRI TAMAN.

KETIKA DI-MINTA MENGULAS MENGENAI SIDANG TERSEBUT, DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU HANYA MENGHADHIRI-NYA UNTUK SA-LAMA SEPULOH MINIT BAGI +MENERANGKAN PERKARA SAYA,+ -- BERSAMBONG 1747

543:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+SAYA TIDAK HADHIR SA-PANJANG PERSIDANGAN SA-LAMA DUA SA-TENGAH JAM ITU SA-BAGAI MANA YANG TELAH DI-LAPORKAN,+ TAMBAH DR. MAHATHIR.

DR. MAHATHIR BERKATA LAGI BAHAWA KEPUTUSAN UNTUK MELUCHUTKAN BELIAU DARI JAWATANKUASA TERTINGGI UMNO ITU BUKAN-LAH SA-BULAT SUARA. -- BERNAMA 1749